



DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA

الخفزة التجارية لملايو - ماليزيا

MALAY CHAMBER OF COMMERCE MALAYSIA

DPMM/ JPU/FPU MUAR/2009 (101)

10 Disember 2009

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

FESTIVAL PEMBANGUNAN USAHAWAN MELAYU PERINGKAT ZON SELATAN

Dengan hormatnya adalah dimaklumkan DPMM akan menganjurkan Festival Pembangunan Usahawan (Zon Selatan) pada 8-10 Januari 2010 bertempat di Dewan Jubli Intan, Muar Johor. Festival tersebut akan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

2. Untuk makluman, festival tersebut merupakan siri pertama program anjuran DPMM Pusat bersama DPMM Negeri-Negeri dengan kerjasama bank-bank perdagangan, agensi-agensi pembiayaan mikro dan agensi-agensi pembangunan IKS.

3. Sehubungan itu, DPMM mempelawa ahli-ahli dan usahawan yang berminat untuk menyertai acara-acara berikut:

- a. Pameran/jualan produk IKS
- b. Seminar Pembangunan Usahawan

4. Peserta-peserta yang berhasrat menyertai pameran atau seminar dikehendaki mendaftarkan nama dengan menggunakan Borang JPU 2 dan 3 seperti yang dilampirkan bersama ini serta mengembalikannya kepada urusetia Festival di talian faks **03-2096 2533/2095 1314** sebelum **21 Disember 2009**. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pn. Norhayati Ali/ Pn.Norazrina/ Cik Adilla/ Pn. Nurhani** di talian **03-2096 2233/2096 1011**.

5. Akhir kata, DPMM dengan ini menyeru semua ahli DPMM dan usahawan mengambil peluang tersebut bagi mempamer dan mempromosi produk keluaran syarikat YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan serta menjadikan festival tersebut sebagai satu platform untuk meningkatkan jaringan perniagaan antara ahli, agensi-agensi kerajaan, GLC dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA

DATO' MUHIYUDDIN B. HAJI ABDULLAH

Timbalan Presiden DPMM

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Besar Festival